

**Perdana Menteri azam kurangkan beban guru
Utusan Online
08 Februari, 2013**

PUTRAJAYA 7 Feb. - Mengurangkan beban tugas guru adalah antara perkara utama yang akan diberikan perhatian selepas Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dilaksanakan kelak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan akan mengenal pasti cara dan kaedah yang sesuai untuk mengurangkan masa guru dalam melakukan kerja-kerja yang tiada kaitan dengan tugas mendidik.

Beliau berkata, perkara itu telah dibincangkan dengan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pelajaran baru-baru ini.

"Perkara itu adalah antara pembaharuan yang kita komited untuk melaksanakannya, namun kesudahannya bergantung pada peristiwa yang akan berlangsung sedikit masa lagi.

"Kalau berakhir dengan sesuatu yang menggembirakan, saya yakin bidang pendidikan negara akan melalui zaman yang jauh lebih maju pada masa depan," katanya ketika berucap dalam Majlis Makan Malam Gala Jubli Emas Sekolah Sultan Alam Shah di sini malam ini.

Dalam majlis itu, Najib turut menyumbang RM1 juta kepada sekolah tersebut.

Pada ucapan sama, Najib berkata, abad ini dicorakkan dengan hakikat bahawa sesiapa yang mempunyai idea yang lebih unggul akan mengatasi yang lain.

"Sebab itulah sistem pendidikan kita mesti berjaya melahirkan modal insan berkualiti yang menepati kayu ukur bahawa kita ingin lahirkan individu yang bukan sahaja bersifat akademik tetapi mampu berfikir secara kreatif dan kritis," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130208/dn_01/Perdana-Menteri-azam-kurangkan-beban-guru